

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 AUGUST 2016

Nota warga emas menyentuh hati Najib

UM-29/8/2016

KUALA LUMPUR 28 Ogos - Nota dalam bahasa Tamil yang diserahkan oleh seorang warga emas selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan mesyuarat UMNO Bahagian Cameron Highlands semalam ternyata menyentuh hati beliau.

Melalui perkongsian di laman Facebooknya, Najib memberitahu, lelaki tersebut yang dikenali dengan nama Davianan menyerahkan sendiri nota tersebut kepada beliau yang kemudiannya diterjemahkan oleh pegawainya.


"Nota ini sangat menyentuh hati saya, Davianan kata terima kasih kepada saya kerana telah membantunya mendapatkan geran tanah untuk pertanian dan perumahan yang membolehkan dia mencari nafkah hidup.

"Ketika itu saya bertugas sebagai Menteri Besar Pahang," kata Najib menerusi laman Facebooknya.

Perdana Menteri kemudian menyambung, beliau tidak pernah mengharapkan apa-apa balasan daripada rakyat kerana ia merupakan amanah dan tanggungjawab beliau.

"Namun, nota terima kasih ini amat bermakna dan menceriaikan hari saya. Alhamdulillah, saya bersyukur kerana diberi peluang untuk berbakti kepada semua dan akan saya teruskan," jelasnya.

Selain itu, Najib juga turut berkongsi video di laman Face-



NOTA berbahasa Tamil yang menyentuh hati Najib.

book beliau mengenai projek penempatan semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil, Cameron Highlands yang terlibat dengan tragedi banjir lumpur dan tanah runtuh pada Ogos 2011.

Najib berkata, masyarakat Orang Asli Sungai Ruil kini dapat tinggal dan mencari rezeki dalam keadaan selamat dan lebih sempurna di perkampungan baru mereka.

"Tiada mana-mana golongan masyarakat akan terpinggir daripada arus pembangunan negara, inilah apa yang kerajaan ingin dan sentiasa perjuangkan," katanya.

Kini, kesemua 145 keluarga dari Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil dapat tinggal di rumah baharu mereka.

Video berdurasi 3.07 minit itu memaparkan perkampungan tersebut yang kini telah berubah wajah dilengkapi dengan rumah dengan reka bentuk moden, selesa dan lengkap dengan kemudahan terkini untuk penduduk.